

Lee Hsien Loong Akan Sertai Retreat Bersama Najib

Bernama

5 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong akan mengadakan lawatan kerja dua hari ke Malaysia bermula Ahad ini bagi menghadiri retreat pemimpin tahunan bersama rakan sejawatannya Datuk Seri Najib Tun Razak.

Wisma Putra dalam satu kenyataan di sini Jumaat, berkata Lee akan diiringi isteri Ho Ching serta beberapa menteri selain pegawai kanan kerajaan Singapura.

Retreat Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-5 itu yang akan berlangsung di Putrajaya merupakan platform untuk kedua-dua pemimpin meneliti hubungan dua hala yang wujud antara kedua-dua negara.

Retreat yang diadakan secara bergilir-gilir antara Malaysia dan Singapura itu juga menyediakan ruang untuk kedua-dua pemimpin meneroka dan berbincang tentang inisiatif baharu serta memperluas kerjasama bagi terus memperkukuh hubungan mesra antara Malaysia dan Singapura, kata kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menyebut dalam pertemuan terakhir pada Februari tahun lepas di Singapura, kedua-dua pemimpin bersetuju dengan pelaksanaan projek kereta api laju antara Singapura dan Kuala Lumpur yang akan memendekkan masa perjalanan antara kedua-dua negara kepada hanya 90 minit.

Tahun lepas, nilai perdagangan dua hala antara Malaysia dan Singapura meningkat kepada US\$57.4 bilion (RM188.358 bilion) berbanding US\$57 bilion (RM187.045 bilion) pda 2012.

Singapura merupakan negara pengimport kedua terbesar Malaysia dengan nilai keseluruhan US\$25.5 bilion (RM83.678 bilion) tahun lepas, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028102>